NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jld. 44** **4 Januari 2001** **No. 1**

ENAKMEN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH 1991
ADMINISTRATION OF THE SYARIAH COURT ENACTMENT 1991

**No. 1.**

PERLANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 10
APPOINTMENT UNDER SECTION 10

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 10(1) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis telah berkenan melantik orang-orang yang tersebut di bawah ini menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Ulang Bicara mulai 17 September 1998 hingga 16 September 2001:

In exercise of the powers conferred by section 10(1) of the Administration of the Syariah Court Enactment 1991, His Royal Highness the Raja of Perlis has been pleased to appoint the following persons to be Member of the Appeal Committee from 17th September 1998 to 16th September 2001:

(i) Mufti Kerajaan Negeri Perlis—Pengerusi

(ii) Yang Berhormat Ishak bin Sahari

(iii) Yang Berbahagia Dato’ Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad

(iv) Yang Berbahagia Dato’ Setia Jaya Haji Abu Bakar bin Ahmad

(v) Yang Berbahagia Dato’ Setia Bakti Haji Nordin bin Ismail

(vi) Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd. Arshad bin Haji Taib

(vii) Yang Berbahagia Ustaz Dahlan bin Md. Zain

(viii) Yang Berbahagia Ustaz Haji Ahmad Razali bin Haji Montak

Bertarikh 18 Disember 2000.
Dated 18 December 2000.
[SUK.(Ps.) 01/130 (142).]

AHMAD BIN ZAKARIA,
b.p. Setiausaha Kerajaan,
Negeri Perlis

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 Tahun 1965)

**No. 2.**

(Seksyen 254)
NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Mohamad Fodi bin Bidin (K/P 6111106) beralamat di No. 74M Kampung Melayu, Padang Besar (U), 02100 Padang Besar, Perlis penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan digantung kerja pada 1-3-1992. Dan kamu telah gagal membuat bayaran kesemua baki hutang berjumlah RM40,332.54 iaitu baki sehingga bulan Disember 2000 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian, jika kamu memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim Beseri; No. P.T. 1942; Jenis dan No. Hakmilik—HS(D) 3894; Bahagian Tanah (jika ada)—Semua; Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 304, Folio 89 Jilid 1(R) Satu (1) Hakmilik Sahaja.

Bertarikh 13 Disember 2000.
[PP 9707/88/3.]

Ketua Penolong Setiausaha,
Bahagian Pinjaman Perumahan,
Perbendaharaan Malaysia
(Pegawai yang ditetapkan oleh
Menteri Kewangan di bawah
Seksyen 5(1) Minister of Finance
(Incorporation) Ordinance 1957)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad.**
**(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA